



Suburkan Perpaduan

Arahan: Menulis karangan jenis cerita dan catatan harian.

Bajau, Murut, Iban, Melanau	melambangkan perpaduan rakyat
aman dan harmoni	kehidupan rakyat
berbeza budaya	Beribu-ribu orang pengunjung
ceria dan penuh dengan warna-warni	pelbagai budaya
keunikan masyarakat	Melayu, Cina dan India
hidup dalam keadaan harmoni	mengibarkan Jalur Gemilang

Atoi, Islah, dan Jian Hui telah berpeluang menyaksikan sambutan Hari Malaysia pada 16 September tahun lepas. Suasana pada hari yang bersejarah itu sungguh meriah.

Kira-kira pada pukul 8.00 pagi, pengunjung mula membanjiri kawasan itu. (1) _____ yang terdiri daripada pelbagai kaum tiba di kawasan itu dengan semangat yang berkobar-kobar. Mereka (2) _____ sambil menyanyikan lagu patriotik.

Tidak lama kemudian, acara perarakan pun bermula. Perarakan kaum (3) _____ yang merupakan kaum utama di Malaysia dilangsungkan pada pukul 8.30 pagi.

Mereka memakai pakaian tradisional kaum masing-masing.

Acara ini jelas (4) _____.

Biarpun (5) _____, namun rakyat Malaysia hidup dengan (6) _____.

Pada pukul 9.00 pagi, acara diteruskan dengan perarakan kebudayaan pelbagai etnik pula. Perarakan ini disertai oleh etnik seperti (7) _____, dan sebagainya. Mereka juga memakai pakaian tradisional yang cantik dan unik. Sememangnya, rakyat Malaysia kaya dengan (8) _____. Suasana ketika itu amat (9) _____.

Pada pukul 10.30 pagi, tayangan video tentang perpaduan pelbagai kaum di Malaysia diadakan. Dalam tayangan video itu, (10) _____ Malaysia yang bersatu padu dipaparkan. Para penonton dapat menyaksikan (11) _____ yang berbeza budaya tetapi (12) _____.

Pada pukul 12.30 tengah hari, Atoi, Islah, dan Jian Hui serta keluarga masing-masing pun pulang. Mereka berasa gembira sungguh. Pengalaman yang dilalui pada hari itu meninggalkan kesan yang positif dalam diri mereka. Semangat perpaduan dan rasa cinta akan tanah air sendiri subur dan mekar dalam sanubari.